

'Pindahkan menara pemancar telco'

Penduduk Kampung Tan Yoke Fong kumpul tandatangan mahu menara pemancar di situ dipindahkan ke kawasan lain

■ SITI NOOR SEPEE

KULAI- Penduduk Kampung Tan Yoke Fong, di sini, mendesak menara pemancar telekomunikasi yang telah siap dibina sejak Ogos lalu dipindahkan ke lokasi lebih sesuai memandangkan kedudukannya terlalu hampir dengan kediaman.

Seorang pesara, Ang Ghiap Ben, 61, berkata, penduduk tidak dimaklumkan atau diberi notis ketika projek berkenaan dijalankan sebaliknya mereka hanya dipanggil untuk menghadiri sesi dialog selepas pembinaan menara pemancar telekomunikasi itu bermula.

Menurutnya, kedudukan menara pemancar telekomunikasi berkenaan kira-kira 30 meter dari belakang rumahnya yang dihuni bersama isteri, anak dan tiga cucunya.

"Sudah tentu kami tidak bersetuju kerana kedudukan pemancar telekomunikasi di bina terlalu hampir dengan rumah dan jaraknya kira-kira 30 meter. Penduduk berasa bimbang di-

sebabkan faktor kesihatan.

"Walaupun pada sesi dialog dijalankan memaklumkan ia tidak menjejaskan kesihatan namun kita juga khuatir kesan radiasi dari menara pemancar itu memberi kesan buruk kepada penduduk khususnya pada jangka masa panjang.

Malah saya masih ingat ketika sesi dialog supaya tidak digalakkan menggunakan telefon bimbit dengan kerap, sudah tentu ia memberi kesan sampingan kepada kesihatan disebabkan kewujudan menara itu. Sepatutnya menara berkenaan lebih sesuai dibina berhampiran tempat komersil seperti premis perniagaan berbanding perumahan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas penyerahan Petisyen Bantahan Pembinaan Pemancar Telekomunikasi, di Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) di sini, semalam.

Petisyen berkenaan diserahkan oleh pembantu pejabat Ahli Parlimen



Ghiap Ben (dua, kiri) dan Bor Yang selepas penyerahan petisyen bantahan pembinaan menara pemancar telekomunikasi di Kampung Tan Yoke Fong.

Kulai, Wong Bor Yang kepada wakil Yang Dipertua MPKu.

Sementara itu, Bor Yang berkata sebanyak 82 tandatangan dikumpulkan dalam petisyen berkenaan bertujuan mendesak supaya menara pemancar dipindahkan ke kawasan lain.

"Walaupun penduduk telah mem-

bantah ketika sesi dialog dijalankan, malangnya ia tetap diteruskan. Selain dikhuatiri menjejaskan kesihatan akibat kesan radiasi, ia dipercayai menjadi punca kejadian banjir kilat pada bulan lepas.

"Berdasarkan kenyataan Timbalan Ketua Whip MPKu, Shen Poh Kuan di

“Walaupun penduduk telah membantah ketika sesi dialog dijalankan, malangnya ia tetap diteruskan. Selain dikhuatiri menjejaskan kesihatan akibat kesan radiasi, ia dipercayai menjadi punca kejadian banjir kilat pada bulan lepas.” - Bor Yang

sebuah akhbar Cina pada 4 Oktober lalu, projek pembinaan menara pemancar telekomunikasi perlu mematuhi syarat 70 peratus persetujuan penduduk setempat dan mendapat kelulusan daripada wakil rakyat, ahli majlis atau ketua kampung.

"Kami tidak pernah beri sokongan terhadap projek berkenaan dan melancarkan kempen mengumpul tandatangan sebagai bantahan," katanya.